

Akaun Pelaburan Bertempoh-i (TIA-i): Promosi Hari Raya 2024 [\(English Version\)](#)

Dikemas kini pada 27 Mac 2024

TEMPOH PROMOSI

Akaun Pelaburan Bertempoh-i (TIA-i): “Promosi Hari Raya 2024” (“Promosi”) Hong Leong Islamic Bank Berhad (“HLISB” atau “Bank”) bermula pada 1 April 2024 dan berakhir pada 30 April 2024, termasuk kedua-dua tarikh, atau apabila mencapai sasaran promosi yang ditetapkan, mengikut mana yang terdahulu (“Tempoh Promosi”), melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Terma dan syarat (“T&S”) Promosi adalah seperti berikut:

KELAYAKAN

1. Langgan TIA terbuka kepada individu dan empunya tunggal (“Pelabur”) yang merupakan pemegang akaun utama Akaun Semasa atau Simpanan-i HLISB (“CASA-i”) / Hong Leong Bank Berhad (“HLB”) Semasa atau Simpanan Akaun (“CASA”). Walau bagaimanapun, untuk layak untuk Hadiah Promosi, Pelabur mesti mempunyai CASA-i untuk mendapatkan penyertaan
2. Pemegang akaun bersama CASA-i/CASA tidak dibenarkan membuka/atau mengendalikan TIA-i dan menyertai Promosi ini.
3. Promosi ini hanyalah untuk pelanggan TIA-i baharu sahaja semasa Tempoh Promosi. Pelabur yang memperbaharui TIA-i mereka yang sedia ada semasa Tempoh Promosi tidak layak menyertai Promosi ini melainkan pelabur itu mengeluarkan mana-mana TIA-i mereka yang sedia ada dan membuat pelanggan baharu.

Kadar Indikatif Promosi bagi TIA-i & Langgan

4. Pelabur yang melanggan TIA-i dengan jumlah antara Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) dan Ringgit Malaysia Lima Juta (RM5,000,000) semasa Tempoh Promosi berhak menikmati Kadar Indikatif Promosi berikut sepertimana yang tertera di bawah ini:

Tempoh Promosi	Tempoh	Nisbah Kongsi Keuntungan (PSR) Pelabur: Bank	Kadar Indikatif Promosi	Jumlah Langgan Minimum dalam TIA-i	Jumlah Langgan Maksimum dalam TIA-i
1/4/2024 - 30/4/2024	3 bulan	85:15	3.55% setahun*	RM1,000.00	RM5,000,000
	6 bulan		3.85% setahun*		
	12 bulan		3.65% setahun*		

* Kadar indikatif promosi mungkin disemak semula mengikut budi bicara Bank.

Kaedah Promosi

5. Untuk mendapatkan penyertaan di dalam Promosi ini, Pelabur perlu:
- melanggan TIA-i untuk tempoh 6 bulan dengan pelaburan permulaan minimum sebanyak Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000) untuk layak mendapatkan satu (1) penyertaan semasa Tempoh Promosi. Pelaburan tambahan pada gandaan Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000) untuk tempoh 6 bulan akan menerima penyertaan tambahan.
 - meletakkan Ringgit Malaysia Dua Ribu (RM2,000) ke dalam akaun CASA-i HLISB sendiri dan mengekalkannya untuk 3 bulan bermula dari hari pertama bulan berikut dari tarikh langganan.
 - bagi mengelakkan sebarang keraguan, jumlah pelaburan dan perletakan deposit tidak boleh kumulatif. Ilustrasi untuk kelayakan penyertaan seperti yang dipaparkan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1

Senario	Penyertaan Diperoleh	Ulasan
<ul style="list-style-type: none"> Melanggan kepada TIA-i tempoh 6 bulan sejumlah RM10,000 Meletakkan RM2,000 ke dalam akaun CASA-i dan mengekalkannya untuk 3 bulan 	1	Menepati kriteria minima
<ul style="list-style-type: none"> Melanggan kepada TIA-i tempoh 6 bulan sejumlah RM10,000 Langganan kedua sebanyak RM5,000 ke dalam TIA-I tempoh 6 bulan Meletakkan RM2,000 ke dalam akaun CASA-i dan mengekalkannya untuk 3 bulan 	2	Tambahan 1 penyertaan melalui langganan kedua
<ul style="list-style-type: none"> Melanggan kepada TIA-i tempoh 3 bulan sejumlah RM10,000 Langganan kedua sebanyak RM5,000 ke dalam TIA-I tempoh 6 bulan Meletakkan RM2,000 ke dalam akaun CASA-i dan mengekalkannya untuk 3 bulan 	0	Tidak menepati kriteria tempoh 6 bulan dalam pelaburan pertama
<ul style="list-style-type: none"> Melanggan kepada TIA-i tempoh 3 bulan sejumlah RM10,000 Langganan kedua sebanyak RM10,000 ke dalam TIA-i tempoh 6 bulan Meletakkan RM2,000 ke dalam akaun CASA-i dan mengekalkannya untuk 3 bulan 	1	Menepati kriteria minima dalam pelaburan kedua
<ul style="list-style-type: none"> Melanggan kepada TIA-i tempoh 6 bulan sejumlah RM17,000 Langganan kedua sebanyak RM4,000 ke dalam TIA-I tempoh 6 bulan Meletakkan RM2,000 ke dalam akaun CASA-i dan mengekalkannya untuk 3 bulan 	2	Pelaburan pertama sejumlah RM17,000 memenuhi kriteria Pelaburan kedua tidak memenuhi syarat gandaan RM5,000
<ul style="list-style-type: none"> Melanggan kepada TIA-i tempoh 6 bulan sejumlah RM5,000 Langganan kedua sebanyak RM10,000 ke dalam TIA-I tempoh 6 bulan Meletakkan RM2,000 ke dalam akaun CASA-i dan mengekalkannya untuk 3 bulan 	1	Menepati kriteria minima dalam pelaburan kedua

6. Untuk tujuan Promosi ini, Pelabur yang memenuhi kriteria seperti dalam Klausa 5 akan dirujuk sebagai "**Pelabur Layak**".
7. 100 Pelabur pertama yang melanggan TIA-i dengan jumlah pelaburan minimum sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000) untuk semua Tempoh Pelaburan akan menerima syiling emas 0.1 gram.
8. Tiada had dikenakan ke atas bilangan penyertaan yang dibuat semasa Tempoh Promosi. Bagaimanapun, setiap Pelabur Layak hanya boleh memenangi satu (1) hadiah sahaja.
9. Pelabur Layak yang memenuhi kriteria dalam Klausa 5 di atas akan berpeluang memenangi hadiah Promosi yang dinyatakan dalam Jadual 2 ("**Hadiah Promosi**").

Jadual 2

Hadiah	Bilangan Pemenang
kepingan emas 10 gram	3

10. Pelabur kepingan emas 10 gram tidak layak menerima syiling emas 0.1 gram walaupun Pemenang adalah antara 100 Pelabur pertama yang disebut dalam klausa 7.

Pemenang Hadiah dan Syarat Pemenuhan

11. Proses pemilihan pemenang Promosi adalah seperti berikut:
 - a. Setelah Tempoh Promosi berakhir, setiap penyertaan akan diberikan satu nombor rawak dan diletakkan dalam himpunan pemilihan Hadiah.
 - b. Seratus (100) nombor akan dipilih secara rawak daripada himpunan pemilihan Hadiah ("**Pelabur Tersenarai**").
 - c. Pelabur Tersenarai akan dihubungi oleh pihak Bank menerusi Khidmat Pesanan Ringkas ("SMS") dan satu soalan berkaitan dengan Bank dan/atau Promosi akan diberikan. Pelabur Tersenarai dikehendaki menjawab SMS itu dengan jawapan betul dalam masa paling cepat.
 - d. Tiga (3) Pelabur Tersenarai pertama yang menjawab SMS dengan jawapan yang betul dalam format yang betul dan dalam masa paling cepat sepertimana dinyatakan dalam SMS yang dihantar oleh HLISB atau XOX Technologies Berhad dengan nombor pendaftaran 199901007872 (482772-D) ("**XOX Technologies**") akan dianggap sebagai Pemenang.
12. Bagi mengelakkan keraguan, SMS yang dihantar kepada Pelabur Tersenarai akan berpandukan nombor telefon bimbit yang terdapat dalam sistem dan/atau rekod Bank. Perkhidmatan SMS untuk Promosi ini disediakan oleh XOX Technologies, iaitu vendor SMS yang dilantik secara rasmi oleh Bank.
13. Kelayakan Pelabur Tersenarai untuk menyertai Promosi akan terlucut sekiranya Pelabur Tersenarai tidak menjawab soalan dengan betul dan/atau tidak menjawab soalan yang dihantar oleh HLISB atau XOX Technologies menerusi SMS dalam tempoh satu (1) hari.
14. HLISB tidak boleh dipertanggungjawabkan ataupun bertanggungjawab atas kegagalan atau kelewatan penghantaran atau penerimaan apa-apa SMS kepada atau daripada mana-mana pihak penyedia perkhidmatan telekomunikasi yang mungkin menyebabkan Pelabur Tersenarai dilucutkan kelayakan daripada menyertai Promosi.
15. Pengumuman para pemenang dan penyerahan Hadiah Promosi dinyatakan di bawah ("**Pengumuman Pemenang**").

Pengumuman Pemenang	Syarat Pemenuhan Hadiah Promosi
<p>Dalam masa 60 hari perniagaan selepas berakhirnya Tempoh Promosi</p>	<p>Para pemenang akan diberitahu oleh HLISB menerusi SMS atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh Bank ("Pemberitahuan Pemenang") atas dasar usaha terbaik berpandukan nombor telefon bimbit atau alamat mereka yang terkini sepertimana yang terdapat dan tercatat dalam sistem dan/atau rekod HLISB untuk urusan pengambilan Hadiah Promosi.</p>

16. Pelabur dikehendaki mengemas kini nombor telefon bimbit dan alamat mereka yang terkini dan tepat kepada HLISB. HLISB tidak akan bertanggungjawab/dipertanggungjawabkan sekiranya HLISB tidak dapat menghantar/menyerahkan Pemberitahuan Pemenang disebabkan nombor telefon bimbit dan alamat yang diberi oleh Pelabur tidak tepat/sah, ataupun SMS itu tidak dapat dihantar/diserahkan atas apa jua sebab sekalipun.
17. TIA-i Pemenang mestilah masih aktif dan sah, dan tidak melanggar mana-mana terma dan syarat T&S ini dan/atau Terma dan Syarat Akaun Pelaburan Bertempoh-i (TIA-i) sehinggalah ke masa Hadiah Promosi hendak diberikan, jika tidak Hadiah Promosi akan dilupuskan menurut budi bicara HLISB. Jika berlaku pelupusan, tiada pemilihan penggantian akan dilakukan.
18. Hadiah Promosi akan diberi atas dasar 'sebagaimana ada' sahaja. Hadiah Promosi tidak boleh dipindah milik atau ditukar. HLISB berhak mengganti Hadiah Promosi dengan apa-apa barangan lain yang sama nilai kerana ketiadaan Hadiah Promosi tersebut atau kerana keadaan yang tidak diduga dan sebagainya.
19. Gambar Hadiah Promosi seperti yang ditunjukkan dalam Laman Sesawang HLISB atau mana-mana bahan promosi rasmi bagi Promosi ini hanyalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.

Umum

20. Dengan menyertai Promosi ini, Pelabur:
 - a. mengesahkan telah membaca, memahami, menerima dan bersetuju untuk mematuhi T&S di dalam ini serta Terma dan Syarat TIA-i;
 - b. bersetuju bahawa keputusan Bank atas segala hal berkaitan dengan Promosi adalah tepat, muktamad dan mengikat ke atas seluruh pelabur; dan
 - c. bersetuju mengakses laman web HLISB di www.hlisb.com.my/TIA-i dari semasa ke semasa untuk menyemak T&S Promosi dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada T&S.
 - d. bersetuju bahawa Hadiah Promosi tidak boleh ditukar untuk wang tunai muka, kredit, cek atau manfaat barangan; dan
 - e. bersetuju dipertanggungjawabkan dan akan menanggung sendiri segala cukai berkenaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka menurut undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Promosi.
21. HLISB berhak:
 - a. setelah terlebih dahulu memberi notis kepada Pelabur Layak, untuk menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda T&S di dalam ini, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, atau untuk menamatkan Promosi, dengan cara menyiarkan penambahan, pengguguran, penggantungan atau pemindaan T&S atau penamatan Promosi ini dalam laman sesawang Bank;
 - b. melucutkan kelayakan mana-mana Pelabur Layak yang:
 - (i) pada masa lalu pernah melakukan, atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang, atau pada masa ini disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank;

- (ii) (sedang menghadapi prosiding kemuffisan, atau telah diisytiharkan mufliis sama ada sebelum, semasa atau selepas Tempoh Promosi; dan/atau
 - (iii) telah melanggar mana-mana T&S di dalam ini dan/atau Terma dan Syarat TIA-i pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Promosi; dan
 - c. membatalkan kemenangan itu dan menarik balik Hadiah Promosi jika dapat dikesan berlakunya penipuan, atau ketidakpatuhan mana-mana T&S Promosi ini.
- 22. Selain T&S yang disyaratkan di dalam ini, Pelanggan Layak bersetuju bahawa Terma dan Syarat TIA-i hendaklah dibaca bersama-sama dengan T&S sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Jika terdapat apa-apa percanggahan, maka T&S di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
- 23. Jika terdapat apa-apa percanggahan antara T&S yang disyaratkan di dalam ini dengan mana-mana bahan pengiklanan promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Promosi ini, maka T&S muktamad dalam laman web Bank hendaklah diutamakan.
- 24. T&S adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelabur bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.
- 25. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak, dan begitu juga sebaliknya.

Jika anda mempunyai apa-apa kemusykilan mengenai T&S, sila hantar emel kepada kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my

Ahli PIDM. TIA-i tidak dilindungi oleh PIDM. Wang yang dikeluarkan daripada deposit berinsurans anda tidak lagi dilindungi oleh PIDM jika dipindahkan ke akaun bukan deposit, sebagai contoh, Amanah Saham, Bon, Pelaburan Dwimata Wang (DCI), Instrumen Deposit Boleh Niaga Kadar Terapung (FRNID), Pelaburan Berstruktur, ASNB, Akaun Pelaburan-i dan lain-lain lagi.

TIA-i tertakluk pada risiko pelaburan, termasuk kemungkinan kerugian amaun pokok yang dilaburkan. Prestasi masa lalu tidak menjadi petunjuk keputusan masa depan, harga/wang yang dilaburkan adalah tertakluk kepada risiko pasaran yang mungkin menyebabkan nilainya naik atau turun.